

Media Title : Sinar Harian
Headline : Laporan waktu masuk solat sebelum lesapkan wang
Date : 5 November 2025
Section : Negeri
Page : 20



Lapor waktu masuk solat sebelum lesapkan wang

Pegawai tadbir pindah wang pinjaman, simpanan ASB, Tabung Haji kepada *scammer*

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Seorang pegawai tadbir berputih mata apabila wang simpanannya termasuk pinjaman peribadi berjumlah RM220,000 lesap selepas diperdaya sindiket panggilan *scam*.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, mangsa yang juga wanita berusia 31 tahun menerima panggilan individu mengaku sebagai 'pegawai' Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) pada 3 September lalu.

Menurutnya, pemanggil mendakwa mangsa mempunyai akaun bank terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram di Johor sebelum panggilan disambungkan

kepada seorang lagi individu memperkenalkan diri sebagai Sarjan Khairudin dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor.

"Individu ini memaklumkan mangsa kononnya sedang disiasat mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

"Suspek meminta mangsa mendedahkan semua

maklumat akaun bank termasuk Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Tabung Haji selain melaporkan diri setiap kali masuk waktu solat," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Azli berkata, beberapa hari kemudian, mangsa dihubungi seorang lelaki lain mengaku sebagai 'ASP Rashid' kononnya pegawai penyiasat yang akan membantu menyelesaikan kes di mahkamah.

"Suspek mengarahkan mangsa mengeluarkan wang ASB berjumlah RM25,000 dan RM5,000 daripada Tabung Haji atas alasan 'siasatan audit' Bank Negara.

"Wang tersebut dipindahkan ke akaun CIMB atas nama seorang individu. Namun, dua hari kemudian,



AZLI

suspek mendakwa wang berkenaan disyaki terlibat dalam pengubahan wang haram dan mengarahkan mangsa membuat pinjaman baharu," katanya.

Beliau berkata, mangsa diarahkan membuat semakan kelayakan pinjaman dengan bank sebelum memaklumkan mendapat kelulusan pinjaman RM200,000

daripada Bank Rakyat dan diarahkan tidak mendedahkan tujuan pinjaman kepada bank atau majikan.

"Mangsa kemudian membuat pinjaman RM194,461.38 dan melakukan tujuh transaksi pemindahan wang berjumlah RM190,000 ke akaun seorang lagi individu antara 8 hingga 14 Oktober lalu.

"Mangsa hanya menyedari ditipu selepas gagal menghubungi kedua-dua suspek selain menyekat nombor telefonnya," katanya.

Tambah beliau, akibat kejadian itu, mangsa mengalami kerugian keseluruhan RM220,000 melibatkan wang simpanan dan pinjaman peribadi.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.

